

| | |
|-----------|--------------|
| Newspaper | SINAR HARIAN |
| Date | 06/09/2017 |

3 Mahathir 'dating' dengan Siti Hasmah naik MRT



BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memuat naik gambar pengalamannya menggunakan Perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh - Kajang (SBK).

"Bersama isteri naik MRT SBK, hari ini," tulisnya.

Nyata gambar tersebut mendapat perhatian netizen yang memuji pasangan ini.

Pengguna *Facebook*, Aisha Nur berkata, Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali sangat *sweet*.

Sinar Harian
- 6/9/2017 Pg. 22
Macam orang muda pergi *dating*, semoga Tun dan isteri sentiasa sihat," tulisnya.

Turut menyokong, pengguna *Facebook*, Rosnah Abd Rahman.

"Tun suami isteri tetap di hati. Semoga bahagia ke jannah dan sentiasa dilindungi ALLAH SWT," tulisnya.

Ada juga mengucapkan selamat ber*dating* pada beliau dan isteri.

457,112 BACAAN